

## MEMBENTUK IDENTITI DIRI REMAJA ERA DIGITAL: ANALISIS PENGARUH MEDIA DAN TEKNOLOGI TERHADAP JATI DIRI

Ahmad Fuad Mohamad Amin<sup>i</sup>, Nurul Atikah Anuar<sup>ii</sup> & Ahmad Zaki Mohamad Amin<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> Pensyarah Kanan, Kolej PERMATA Insan Universiti Sains Islam Malaysia.  
ahmadfuad@usim.edu.my.

<sup>ii</sup> Sarjana Perubatan, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia. atikahoculi@gmail.com

<sup>iii</sup> Pensyarah, Pusat Asasi Sains Universiti Malaya. azmamin@gmail.com

### Abstrak

Perkembangan pesat media dan teknologi digital telah membawa transformasi signifikan dalam landskap sosialisasi remaja, khususnya dalam proses pembentukan identiti diri. Kajian ini bertujuan meneliti secara empirikal pengaruh media dan teknologi terhadap pembentukan identiti diri positif dalam kalangan remaja sekolah menengah di negeri Johor. Reka bentuk kajian mengaplikasikan pendekatan kaedah kuantitatif melalui pelaksanaan tinjauan berskala besar. Seramai 807 orang pelajar berusia antara 16 hingga 18 tahun dipilih secara persampelan berstrata untuk menjawab soal selidik berstruktur yang merangkumi dua instrumen utama: Inventori Tanggungjawab Diri Remaja (ITRM) dan Ego Identity Status (EMOIES). Dapatan kajian menunjukkan bahawa keterlibatan remaja dengan media dan teknologi adalah terkawal, reflektif dan berpandukan nilai yang mampu memperkukuh pembentukan identiti diri yang positif dengan mencatat skor min yang tinggi secara keseluruhan (min=3.78). Ini termasuk aspek tanggungjawab sendiri, kestabilan emosi dan kejelasan arah hidup remaja. Sebaliknya, pendedahan tidak berstruktur kepada kandungan digital negatif berpotensi menjejaskan integriti identiti dan perkembangan psikososial remaja dengan mencatat skor min sederhana (min=3.41). Kajian ini menggesa sinergi antara institusi pendidikan, keluarga dan pembuat dasar dalam merangka intervensi berasaskan literasi digital yang bersifat holistik agar tidak mudah terjerat dengan isu salah laku berasaskan digital. Implikasi kajian ini memperkaya wacana akademik berkaitan psikologi perkembangan remaja dalam era teknologi digital, sekali gus menawarkan kerangka strategik ke arah pembangunan generasi anak muda beridentiti kukuh dan mempunyai daya tahan yang tinggi.

Kata kunci: Media dan teknologi, identiti, psikologi perkembangan remaja

### PENDAHULUAN

Dalam era digitalisasi yang pesat, media dan teknologi telah menjadi antara elemen paling dominan yang membentuk corak sosialisasi serta perkembangan psikososial dalam kalangan remaja. Peralihan daripada interaksi konvensional kepada ekosistem digital telah memperkenalkan paradigma baharu dalam cara remaja menzahirkan, membina dan mengukuhkan identiti diri mereka. Hal ini lebih ketara apabila media sosial menyediakan ruang ekspresi terbuka yang berupaya memperkukuh atau mencabar keseimbangan identiti psikososial seseorang individu (Valkenburg & Piotrowski, 2022). Dalam konteks ini, interaksi digital bukan sahaja mempengaruhi

pemikiran dan emosi, malah memberi kesan langsung terhadap orientasi nilai, kepercayaan diri dan pembinaan naratif sendiri remaja.

Secara teoritikal, pembentukan identiti dalam kalangan remaja sering dirujuk melalui kerangka Erikson yang menekankan pentingnya eksplorasi dan komitmen dalam fasa peralihan ini (Erikson, 1968). Namun begitu, perkembangan terkini menunjukkan bahawa media dan teknologi telah menjadi agen sosialisasi yang mengganggu atau mempercepatkan proses eksplorasi identiti tersebut. Kajian kontemporari mendapati bahawa pendedahan kepada kandungan positif melalui media boleh meningkatkan kejelasan sendiri (*self-concept clarity*) dan daya tahan psikologi (*psychological resilience*) dalam kalangan remaja, terutamanya apabila disokong oleh literasi digital dan persekitaran sosial yang sihat (Nesi, 2020; Zhou & Lee, 2021). Justeru, peranan media bukan lagi pasif, tetapi aktif dalam membentuk struktur identiti remaja, menjadikan ia medan yang kritikal untuk diterokai.

Sebaliknya, kegagalan dalam mengurus interaksi media secara bijaksana boleh mendorong kepada pembentukan identiti yang rapuh, terfragmentasi dan cenderung kepada tekanan sosial yang toksik. Remaja yang terlalu bergantung kepada penerimaan sosial dalam talian sering kali mengalami konflik nilai, penurunan harga diri dan krisis identiti, terutama apabila identiti digital mereka berbeza dengan realiti diri (Coyne et al., 2021; Uhls et al., 2022). Cabaran ini semakin kompleks dalam konteks Malaysia yang berbilang kaum, di mana remaja berdepan tekanan nilai budaya tradisional yang mungkin bertembung dengan naratif globalisasi digital. Oleh itu, adalah penting untuk memahami bagaimana media dan teknologi boleh dimobilisasikan sebagai instrumen yang dapat mempengaruhi sama ada mengukuh atau melemahkan pembentukan identiti diri yang positif.

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneliti secara empirikal kesan media dan teknologi terhadap pembentukan identiti diri remaja, dengan tumpuan terhadap aspek positif yang terhasil daripada interaksi digital yang berstruktur. Kajian ini menggunakan pendekatan gabungan untuk memahami bagaimana remaja Melayu di Malaysia membina naratif sendiri melalui media sosial serta bentuk sokongan sosial yang mereka peroleh. Dengan mengintegrasikan dimensi psikologi pembangunan dan sosiobudaya, kajian ini diharap dapat menyumbang kepada pembinaan kerangka intervensi yang menyeluruh dan adaptif dalam menyokong pembentukan identiti remaja yang lebih seimbang dan lestari di era digital ini (Lim et al., 2023).

### **Pernyataan Masalah**

Transformasi digital yang melanda masyarakat global telah mengubah secara signifikan landskap pembentukan identiti remaja masa kini. Remaja milenium tidak lagi menjalani proses sosialisasi secara eksklusif melalui keluarga, sekolah dan komuniti fizikal samata-mata, sebaliknya terdedah kepada pengaruh media digital dan platform teknologi secara maya yang sedikit sebanyak menjadi sumber utama pembentukan nilai, sikap, dan citra sendiri (Uhls, Ellison, & Subrahmanyam, 2022).

Namun begitu, kepesatan akses kepada kandungan digital yang bersifat terbuka dan tidak ditapis turut menimbulkan kebimbangan terhadap kestabilan emosi dan keseimbangan identiti psikososial dalam kalangan remaja. Dalam konteks ini, belum terdapat kesepakatan ilmiah sama ada penggunaan media dan teknologi menjadi instrumen yang memperkukuh atau merosakkan proses pembentukan identiti diri remaja yang positif.

Beberapa dapatan kajian antarabangsa menunjukkan hubungan yang kompleks antara interaksi digital dan pembentukan identiti remaja, bergantung kepada faktor perantara seperti literasi digital, jenis media yang digunakan serta konteks sosiobudaya (Coyne et al., 2021; Nesi, 2020). Sebagai contoh, penggunaan media sosial untuk tujuan ekspresi sendiri dan pembangunan komuniti sokongan boleh memperkukuh kejelasan identiti (*identity clarity*), namun pada masa yang sama, ketagihan media, buli siber, serta tekanan untuk mematuhi norma penampilan maya boleh mencetuskan konflik identiti serta gejala psikopatologi. Justeru, keperluan mendesak timbul untuk memahami secara lebih mendalam dinamika ini dalam konteks tempatan, terutama dalam kalangan remaja Melayu yang berhadapan dengan dilema antara nilai tradisi dan budaya digital global.

Di Malaysia, data empirikal berkenaan hubungan antara media, teknologi dan identiti diri remaja masih terhad, dan kebanyakannya bersifat deskriptif atau berfokus kepada risiko penggunaan media seperti ketagihan atau buli siber. Kurangnya kajian yang menekankan potensi positif media dalam membina naratif sendiri yang sihat menyebabkan wujud jurang pengetahuan yang ketara dalam memahami bagaimana media boleh dimanfaatkan untuk memperkasakan identiti remaja (Lim, Ismail, & Awang, 2023). Tambahan pula, perbezaan latar belakang sosioekonomi, akses teknologi, dan tahap literasi digital dalam kalangan remaja luar bandar dan bandar juga memerlukan penelitian empirikal yang rapi agar pendekatan intervensi yang bersifat inklusif dapat dirumuskan.

Ketiadaan model konseptual yang menyeluruh untuk menjelaskan hubungan antara penggunaan media dan pembentukan identiti diri remaja di Malaysia menjadikan isu ini kritikal untuk ditangani. Kebergantungan remaja terhadap pengiktirafan sosial dalam talian (*online social validation*) menimbulkan keperluan untuk memahami mekanisme psikologi yang terlibat, termasuk kesan terhadap harga diri, orientasi masa depan dan jati diri kolektif (Zhou & Lee, 2021). Oleh itu, penyelidikan ini amat penting untuk meneroka secara empirikal bagaimana media dan teknologi mempengaruhi proses pembentukan identiti diri remaja secara holistik, bukan sahaja dari aspek risiko tetapi juga dari sudut pandang tentang peluang pembinaan identiti yang kukuh, lestari dan kontekstual dalam era digital.

### **Kerangka Teori**

Sandaran teori dalam kajian ini memberikan kerangka yang saling melengkapi untuk memahami bagaimana media dan teknologi boleh menjadi pemangkin atau

penghalang kepada pembentukan identiti diri remaja yang positif. Teori Erikson menekankan krisis dan eksplorasi identiti, Bandura menjelaskan mekanisme pembelajaran melalui media, manakala Bronfenbrenner memberi gambaran menyeluruh tentang konteks sosial yang mempengaruhi interaksi digital. Pemahaman yang bersifat integratif ini penting agar sebarang intervensi yang dicadangkan berasaskan bukti empirikal dan disesuaikan dengan realiti ekosistem remaja Malaysia.

Erikson memperkenalkan lapan tahap perkembangan psikososial, di mana fasa remaja (12–18 tahun) ditandai oleh konflik antara *Identiti vs Kekeliruan Identiti*. Dalam fasa ini, individu mula meneroka nilai, peranan sosial, dan hala tuju hidup bagi membentuk identiti yang stabil dan koheren. Media dan teknologi hari ini berfungsi sebagai agen eksplorasi baharu yang mempengaruhi proses ini secara langsung. Remaja menggunakan media sosial untuk menonjolkan citra sendiri, mendapatkan maklum balas sosial, dan mencari kumpulan sosial yang selari dengan nilai peribadi mereka. Sekiranya eksplorasi ini berjaya dan disokong dengan refleksi sendiri yang sihat, ia mampu menghasilkan identiti diri yang positif; namun, jika gagal, ia boleh menyebabkan kekeliruan identiti dan tekanan psikososial (Uhls et al., 2022).

Model ini menekankan bahawa perkembangan individu dipengaruhi oleh sistem persekitaran secara berperingkat, iaitu bermula dengan mikrosistem (keluarga, rakan sebaya), mesosistem (interaksi antara sekolah dan keluarga), eksosistem (dasar pendidikan, media massa), hinggalah makrosistem (budaya dan ideologi). Penggunaan media dan teknologi berada dalam lapisan eksosistem yang mempunyai pengaruh tidak langsung tetapi signifikan ke atas pembentukan identiti remaja. Apabila media dipadankan dengan sokongan mikro seperti komunikasi positif dalam keluarga dan bimbingan sekolah, ia berpotensi menjadi sumber yang signifikan dalam perkembangan identiti yang kukuh (Lim et al., 2023). Sebaliknya, ketiadaan struktur perlindungan sosial boleh menyebabkan remaja mudah terdedah kepada peniruan identiti palsu, budaya hedonisme dan penyesuaian diri yang negatif.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian penyelidikan ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif sahaja. Dengan menggunakan reka bentuk kajian tinjauan, pengkaji menggunakan teknik edaran soal selidik kepada peserta kajian. Kajian ini dijalankan di Selatan Malaysia iaitu di negeri Johor di mana status sekolah harian biasa iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dipilih bagi memenuhi rata-rata pelajar memiliki latar belakang sosioekonomi dan psikologi yang seimbang. Seramai 807 orang murid yang terdiri daripada remaja sekolah iaitu berumur antara 16 hingga 18 tahun dipilih sebagai sampel kajian berdasarkan teknik pensampelan Krijie dan Morgan (19770). Murid remaja ini dipilih secara raawak berstrata agar data yang diperoleh berada dalam jumlah yang simbang dan lebih menepati kehendak analisis parametrik.

Dalam kajian ini soal selidik yang digunakan ialah *Extended Objective Measure of Ego-Identity Status* Versi kedua (EOMEIS-2) untuk identiti diri remaja manakala Inventori Tanggungjawab Diri Remaja Malaysia (ITRM) yang memberi fokus kepada elemen perhubungan sosial remaja. Kedua-dua instrumen soal selidik ini mencatat tahap kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* yang tinggi iaitu ( $\alpha=0.810$ ) dan ( $\alpha=0.914$ ), dengan hubungan antara item soal selidik (inter correlated item) bagi kesahan instrumen menunjukkan catatan pada aras tinggi ( $r=0.30$ ). Kajian rintis dijalankan terhadap 35 orang pelajar remaja yang sama latar belakang kajian sebenar bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen tinggi. Data-data kajian soal selidik ini dianalisis dengan bantuan perisian SPSS. Jenis analisis yang terlibat dalam kajian ini ialah analisis Regresi Mudah yang disokong dengan analisis deskriptif (skor min) bagi meninjau sejauh mana media dan teknologi menyumbang kepada pembinaan identiti diri remaja yang positif.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian merangkumi hasil analisis data yang diperoleh daripada kajian yang dijalankan bagi menjawab persoalan kajian iaitu 'Sejauh mana media dan teknologi menyumbang kepada pembinaan identiti diri remaja yang positif'.

Jadual 1: Sumbangan media dan teknologi terhadap identiti diri remaja (status pencapaian)

Pemboleh ubah bebas (X)	Skor Min	Pemboleh ubah bersandar (Y)	Skor Min	Pekali regresi B	Nilai Beta $\beta$	Nilai t	Sig. (p)	Sumbangan R <sup>2</sup>
<b>Hubungan Sosial</b>	<b>3.78</b>	<b>Identiti Pencapaian</b>	<b>3.84</b>					
Saya menggunakan gajet-gajet telekomunikasi dalam kehidupan seharian	4.29	Saya berupaya membentuk gaya hidup ideal, tiada siapa yang boleh mengubahnya	3.65	0.059	0.072	2.050	0.041	0.234
Media massa banyak menyiarkan info-info terkini mengenai tingkah laku remaja	4.21	Saya berpuas hati dengan aktiviti luar yang telah saya pilih	3.89					

Saya berkongsi idea mengenai tingkah laku diri melalui internet (Facebook, twitter, blog dan sebagainya)	3.29	Saya tahu kerjaya yang saya inginkan	3.78				
Media massa banyak membantu saya dalam membentuk tingkah laku yang baik	3.41	Saya faham tentang amalan agama yang saya anuti sekarang	4.29				
Saya menjaga batas pergaulan bersama rakan berlainan jantina	3.80	Saya mempunyai aktiviti luar yang menyeronokkan untuk dilakukan	3.87				
Saya membantu rakan-rakan yang memerlukan pertolongan	3.88	Saya yakin dengan arah tuju kerjaya saya	3.72				
Saya menghormati jiran-jiran saya	3.56	Saya mempunyai pandangan yang jelas tentang gaya hidup yang saya mahukan	3.71				

Interpretasi skor min (1.00–2.33=rendah, 2.34–3.66=sederhana, 3.67–5.00=tinggi)

Zaman teknologi masa kini banyak mempengaruhi remaja dalam tingkah laku seharian. Hal ini dibuktikan bahawa remaja sangat bersetuju dengan item “Saya menggunakan gajet-gajet telekomunikasi dalam kehidupan seharian” Ini bermakna, remaja dan alat telekomunikasi sangat akrab dengan kehidupan diri remaja masa kini.

Namun begitu, remaja kurang bersetuju dengan item “Saya berkongsi idea mengenai tingkah laku diri melalui internet” (min=3.29), “Media massa dan teknologi maklumat banyak membantu saya dalam membentuk tingkah laku yang baik” (min=3.41) dan “Media massa memberi kesedaran kepada saya untuk sentiasa menjadi remaja yang bertingkah laku baik” (min=3.56) yang masing-masing mencatat skor min yang sederhana. Ketiga-tiga item ini menunjukkan bahawa remaja bersetuju dan berpendapat bahawa penggunaan media dan teknologi ini kurang memberi kesedaran dalam membantu mereka untuk membentuk identiti diri yang positif.

Berdasarkan dapatan soal selidik dalam Jadual 1 di atas, menunjukkan bahawa hubungan sosial menyumbang secara signifikan ( $p < 0.005$ ) kepada pembentukan identiti diri pencapaian remaja Melayu sebanyak 23.4%. Status identiti pencapaian merujuk kepada remaja yang memcapai identiti diri yang positif. Ini bermakna penggunaan media dan teknologi yang positif dalam kalangan remaja dapat membina jati diri remaja.

## PERBINCANGAN

Hasil kajian mendapati media dan teknologi juga memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti diri remaja. Hal ini disebabkan kerana elemen media dan teknologi antara salah satu pengaruh persekitaran sosial remaja berdasarkan teori Bronfenbrenner. Daripada kajian ini, sampel remaja memberi persepsi yang tinggi dan bersetuju yang mereka kerap menggunakan gajet-gajet telekomunikasi dalam kehidupan seharian. Selain itu, remaja bersetuju bahawa media dan teknologi menjadi satu medium pautan pantas untuk mencari maklumat, memudahkan perhubungan, dan berkongsi idea dalam internet. Rata-rata remaja juga bersetuju bahawa media teknologi sangat membantu mereka untuk mencari maklumat dengan cepat dan mampu membantu remaja untuk membentuk identiti pencapaian. Dapatan ini menyokong pendapat beberapa ahli akademik seperti Haslina Hassan (2000), Robiah K. Hamzah & Sidek Baba (2007), Asar Karim dalam Ahmad Fazullah et al. (2007) dan Jamilah & Fakhri (2011).

Namun begitu, dapatan ini bertentangan dengan kajian-kajian lepas yang mendapati penggunaan media dan teknologi yang optimum memberi kesan negatif kepada identiti diri remaja. Kajian Halim Tamuri & Nazrin (2004) misalnya terdapat hubungan negatif yang signifikan antara tahap pendedahan media teknologi dengan akhlak remaja. Ini bermakna, semakin banyak pelajar terdedah dengan media dan teknologi maklumat, semakin rendah pegangan nilai akhlak remaja. Hal ini berlaku disebabkan kandungan dalam media dan teknologi maklumat ini yang menjurus kepada perkara-perkara yang tidak sihat seperti pemakaian kurang sopan, perhubungan yang bebas dan sebagainya. Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Hashim & Nor Liailiyah (2014) yang mendapati selain sikap pelajar, rakan sebaya, keluarga dan pendidik, media elektronik mampu mempengaruhi masalah disiplin remaja. Walaupun terdapat kelebihan dan kelemahan daripada elemen media dan

teknologi maklumat, remaja seharusnya menggunakan dengan bijak dan berpeda-pada kerana zaman milenium yang sinonim dengan remaja generasi Y. Ini kerana, media dan aplikasi teknologi maklumat seperti *smartphone*, *tab*, komputer dengan kemudahan internet sangat dekat dengan diri masyarakat terutamanya golongan remaja masa kini.

## KESIMPULAN

Kajian ini memperkukuh kefahaman bahawa media dan teknologi memainkan peranan yang signifikan dalam pembentukan identiti diri remaja pada era digitalisasi masa kini. Remaja kini tidak lagi terikat kepada pengaruh institusi sosial tradisional semata-mata, bahkan menjadikan platform digital sebagai medium utama dalam meneroka, menzahirkan dan mengesahkan identiti sendiri. Keupayaan media dalam membentuk persepsi sendiri, menetapkan norma sosial, serta mencorak orientasi nilai menjadikan ia sebagai agen perkembangan psikososial yang kritikal. Justeru, pemahaman yang bersifat kontekstual dan integratif tentang pengaruh media adalah amat penting dalam usaha membangunkan strategi intervensi yang efektif (Uhls, Ellison, & Subrahmanyam, 2022; Coyne et al., 2021).

Walaupun media sering dikaitkan dengan pelbagai kesan negatif, kajian ini menyorot bahawa dengan sokongan sistemik seperti literasi digital, bimbingan nilai, dan keterlibatan dalam komuniti digital yang sihat, media berpotensi menjadi pemangkin kepada pembentukan identiti diri remaja yang seimbang dan positif (Lim, Ismail, & Awang, 2023; Zhou & Lee, 2021). Ini selari dengan prinsip Islam yang menekankan keperluan mengenal diri dan menjalani kehidupan yang berasaskan nilai kebenaran. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Hashr ayat 19: *“Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang yang lupa kepada Allah, lalu Allah menjadikan mereka lupa kepada diri mereka sendiri. Mereka itulah orang-orang yang fasik.”* (Al-Hashr:19). Ayat ini menjadi panduan bahawa identiti diri yang sebenar dan unggul hanya dapat dibina apabila individu memahami nilai ketuhanan, dan media sewajarnya menjadi alat yang menyokong proses ini, bukan sebaliknya.

Sebagai implikasi praktikal, semua pihak berkepentingan seperti pendidik, ibu bapa, dan pembuat dasar perlu berganding bahu dalam membentuk ekosistem digital yang mendidik, memperkasakan, dan membimbing remaja ke arah pembentukan identiti diri yang kukuh, bermaruah dan berpaksikan nilai. Pendidikan literasi media yang menekankan aspek etika, tanggungjawab sosial dan integriti sendiri perlu diperluas agar remaja mampu menavigasi dunia digital dengan bijaksana. Kajian ini juga menyeru kepada penyelidikan lanjutan yang bersifat longitudinal bagi memahami kesan jangka panjang interaksi media terhadap kesejahteraan identiti remaja, khususnya dalam konteks sosiobudaya dan keagamaan yang berbeza. Dengan pendekatan yang menyeluruh dan seimbang, media dan teknologi boleh diolah menjadi alat tarbiah moden yang membina generasi muda yang beridentiti positif dan berdaya saing global.

**RUJUKAN**

- Amin, A. F. M., Zakaria, Z., Spawi, M., Isleh, A. R. S., & Anuar, N. A. (2024). Trend persekitaran sosial dan implikasi terhadap tanggungjawab diri remaja generasi Z: Social environment trends and implications for the self-responsibility of generation Z. *'Abqari Journal*, 31(2), 131-142.
- Amin, A. F. M., Amir, R., Rahman, S., & Lubis, M. A. (2017). Profile of self-identity among adolescents: A study in Johor. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*. eISSN2600-769X, 1(1), 124-134.
- Amin, A. F. M., Amir, R., & Rahman, S. (2016). The influence of social environment towards teenagers responsibility in conserving the nature.
- Coyne, S. M., Rogers, A. A., Zurcher, J. D., Stockdale, L. A., & Booth, M. (2021). Does time spent using social media impact mental health?: An eight year longitudinal study. *Computers in Human Behavior*, 104: 106160. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2019.106160>
- Erikson, E. H. (1968). *Identity: Youth and crisis*. New York: W. W. Norton & Company.
- Lim, C. J., Ismail, K., & Awang, H. (2023). Digital resilience and youth identity: A Malaysian perspective. *Asian Journal of Social Psychology*, 26(2), 125–138. <https://doi.org/10.1111/ajsp.12532>
- Nesi, J. (2020). The impact of social media on youth mental health: Challenges and opportunities. *North Carolina Medical Journal*, 81(2), 116–121. <https://doi.org/10.18043/ncm.81.2.116>
- Uhls, Y. T., Ellison, N. B., & Subrahmanyam, K. (2022). Media and identity development in adolescence: A decade in review. *Journal of Adolescence*, 94, 210–225. <https://doi.org/10.1016/j.adolescence.2022.04.002>
- Valkenburg, P. M., & Piotrowski, J. T. (2022). *Plugged In: How media attract and affect youth*. Yale University Press.
- Zhou, H., & Lee, S. J. (2021). Youth engagement on digital platforms and identity exploration: A longitudinal study. *Journal of Youth and Adolescence*, 50(5), 901–915. <https://doi.org/10.1007/s10964-020-01363-w>